



Sultan Muhammad V memeriksa kawalan Kehormat Utama daripada **Rejimen Pertama Artileri Diraja Raja** sempena ulang tahun hari keputeraan baginda di Padang Merdeka, Kota Bharu.

[FOTO FATHIL ASRI/BH]

Siap sedia hadapi banjir

» **Strategi perlu diatur elak kejadian luar jangkaan**

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

► **Kota Bharu**

Sultan Kelantan Sultan Muhammad V menitahkan semua pihak di negeri itu supaya berada dalam keadaan siap sedia menghadapi kemungkinan banjir.

Titah baginda, strategi bagi menangani banjir perlu diatur bagi mengelak berlaku kejadian di luar jangkaan, kejutan

atau kecemasan.

“Beta ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh jentera kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan serta badan bukan kerajaan (NGO) atas kerjasama dan komitmen dalam memastikan kebajikan rakyat beta yang ditimpa musibah banjir tahun lalu.

393 rumah siap dibina

“Difahamkan, sejumlah 393 unit rumah kepada mangsa banjir di seluruh negeri itu sudah siap dibina, manakala 560 unit lagi dalam proses pembinaan,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Kelantan Ke-46 di Istana Balai Besar di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob.

Pada masa sama, Sultan Kelantan berterima kasih kepada Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (JPM) kerana memberi kerjasama baik dalam menyenaraikan projek di Kelantan menerusi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).

“Jutaan terima kasih juga dirakamkan kepada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) kerana memainkan peranan aktif dalam membantu Kelantan membangunkan Kampung Laut sebagai kampung pelancongan.

“Beta juga merakamkan penghargaan Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Kewangan atas pembinaan Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang dijangka beroperasi awal 2016,” titah baginda.

Dalam pada itu, Sultan Kelantan berharap projek pembebasan dan naik taraf Lapa-

ngan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) di Pengkalan Chepa menjadi kenyataan, seiring kedudukannya sebagai antara lapangan terbang paling sibuk di Malaysia dan perlu diberi keutamaan.

Hab penerbangan

“Beta percaya ia dapat menjadikan LTSIP sebagai hab penerbangan serantau dan menyediakan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus. Contohnya, untuk penerbangan mengerjakan umrah dan haji ke Tanah Suci, ke Thailand, Vietnam serta negara lain.

“Selain itu, beta menaruh keyakinan projek lain yang disenaraikan seperti Lebuh Raya Kota Bharu-Kuala Krai, rancangan tebatan banjir Sungai Kelantan-Sungai Golok dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan,” titah baginda.